

Keluar hutan **naik** teksi

■ Pasukan penyelamat terkejut dua lelaki sesat tiba dengan pengangkutan awam dalam keadaan letih

Oleh Siti Nadzirah Che Mud
am@hmetro.com.my
Serdang

Pasukan penyelamat yang berusaha menjejaki dua mangsa yang sesat di dalam kawasan hutan simpan di Universiti Putra Malaysia (UPM) terkejut apabila mangsa lelaki tiba-tiba muncul menaiki teksi dalam keadaan letih.

Mangsa dikenali sebagai Mohd Faiz dan Mohd Fazly masing-masing berusia 21 dan 34 tahun dikatakan teresat di hutan itu petang kelmarin sebelum pihak bomba dan penyelamat memulakan operasi menjejaki mangsa jam 7 pagi semalam.

Difahamkan mangsa tiba-tiba muncul dengan me-

naiki sebuah teksi pada jam 12.24 tengah hari semalam di lokasi kereta mereka ditinggalkan berhampiran hutan itu sejurus berjaya mencari jalan keluar.

Timbalan Pengarah Bahagian Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pasukan bomba menerima panggilan berhubung kehilangan mangsa pada jam 4.08 pagi semalam sebelum menerah anggota ke lokasi kejadian.

Menurutnya, sebuah jentera bersama tujuh anggota bomba dikerahkan ke lokasi kejadian bagi mencari

mangsa dengan bantuan anggota polis dari Balai Polis Seri Kembangan dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM).

“Operasi mencari dan menyelamatkan bermula pada jam 7 pagi dan semua anggota dipecahkan kepada beberapa pasukan termasuk pasukan Jabatan Perhutanan (Ranger) untuk mencari kedua-dua mangsa.

“Bagaimanapun mangsa tiba-tiba muncul dengan menaiki sebuah teksi tengah hari semalam. Mereka mendakwa berjaya keluar dari hutan berkenaan melalui jalan lain dan datang ke lokasi ini (kejadian) untuk me-

ngambil kereta,” katanya.

Difahamkan, kedua-dua mangsa terbabit dikenakan tindakan oleh Ranger atas kesalahan menceroboh hutan simpan tanpa kebenaran.

Sementara itu, rakan mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Farsi, 30, berkata, mangsa pernah beberapa kali memasuki kawasan hutan itu dan sudah berpesan supaya membuat laporan polis atau meminta bantuan sekiranya tidak pulang pada jam 10 malam.

“Bimbang dengan keselamatan mereka, saya bertindak menghubungi pihak polis dan pasukan penyelamat untuk mencari mereka di lokasi berkenaan,” katanya yang turut menyertai operasi menyelamatkan itu.

FAKTA
Dua lelaki itu dikenakan tindakan oleh Ranger selepas menceroboh masuk hutan simpan UPM



ANGGOTA Ranger mengambil keterangan mangsa.

SEBAHAGIAN pasukan penyelamat yang berusaha menjejaki dua mangsa yang sesat ketika menceroboh hutan UPM, semalam.